

23/04/2003

Troika NAM bertemu di Paris

KOTA BHARU: Troika Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM), Malaysia, Afrika Selatan dan Cuba, adakan mengadakan perjumpaan pada 2 Mei depan di Paris bagi membincangkan perkara membabitkan kepentingan negara-negara berkecuali.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, yang akan menghadiri perjumpaan itu bersama-sama rakan sejawatnya dari negara berkenaan berkata, pada perjumpaan itu mereka akan membincangkan perkembangan politik dunia khususnya isu pencerobohan di Iraq, yang turut menyentuh kepentingan NAM.

"Tiga negara Troika, pengerusi lama NAM (Afrika Selatan), pengerusi NAM sekarang (Malaysia) dan pengerusi akan datang (Cuba 2006-2009) telah diberi mandat dan kuasa untuk membincangkan soal membabitkan kepentingan negara berkecuali," katanya kepada pemberita di sini, malam kelmarin.

Terdahulu, Syed Hamid menghadiri perhimpunan kemanusiaan bagi menentang pencerobohan ketenteraan terhadap Iraq anjuran Majlis Tindakan Rakyat Kelantan (MTRK) di sini.

Syed Hamid berkata, hasil perbincangan dan kata putus pada pertemuan itu akan dimaklumkan kepada keanggotaan NAM yang lain.

Beliau berkata, pertemuan itu penting kerana bakal menjadi suara NAM bagi menyatakan sesuatu pandangan yang akan dimaklumkan ke peringkat antarabangsa.

"Jadi kalau kita (NAM) nak jadi relevan, ia perlu didengar," katanya.

Syed Hamid berkata, pertemuan membabitkan hanya pemimpin tiga negara itu dibuat kerana usaha untuk mengumpulkan semua 116 buah negara keanggotaan NAM adalah sukar.

"Jadi kita buat tiga negara ini dulu dan kita tengok bagaimana hasil perbincangannya. Kita tidak perlu panggil satu lagi mesyuarat sebaliknya apabila kita putuskan sesuatu, kita akan beritahu kepada negara-negara NAM lain," katanya.

Bernamea melaporkan perbincangan di Paris itu penting bagi membincangkan suasana genting yang dihadapi dunia sekarang.

Sementara itu, Syed Hamid berkata, Presiden Russia, Vladimir Putin dan Canselor Jerman, Gerhard Schroeder, telah menyatakan persetujuan untuk melawat Malaysia sebagai membalas kunjungan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negara berkenaan tahun lalu.

"Mereka telah memberikan tarikh yang mereka ingin datang ke Malaysia dan kita sedang aturkan," katanya.

Sementara itu, dalam ucapannya di perhimpunan kemanusiaan anjuran MTRK,

Syed Hamid berkata, kerajaan tetap dengan pendiriannya menentang peperangan yang diketuai Amerika Syarikat dan sekutunya terhadap negara Islam Afghanistan serta Iraq.

Justeru, katanya, tidak ada sebab kenapa Malaysia dituduh bersekongkol dengan kuasa penceroboh itu berusaha menjatuhkan kerajaan Iraq pimpinan Saddam Hussein.

Beliau berkata, bantahan itu dinyatakan dalam sepucuk surat ditulis Perdana Menteri kepada Presiden Amerika, George W Bush dan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sebelum peperangan bermula.

"Dr Mahathir tidak gentar untuk menulis surat dan memberitahu mereka secara bersemuka mengenai bantahan kerajaan terhadap peperangan. Bukan pemimpin Pas, tetapi Dr Mahathir dan kepemimpinan Malaysia.

"(Tetapi) ada orang suka memutarbelitkan fakta. Mereka menuduh kerajaan bersekongkol dengan Amerika dan kononnya berkempen menjatuhkan Saddam," katanya.

Syed Hamid berkata demikian sebagai mengulas kenyataan tidak bertanggungjawab lidah rasmi Pas, Harakah keluaran terbaru yang didakwa menuduh kerajaan bersekongkol dengan Amerika dalam kempen menjatuhkan Saddam.

"Ini tuduhan liar dan tidak bertanggungjawab. Kita mahu mereka minta maaf dan membetulkan fakta itu," katanya.